

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XV)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

5. Gelandangan dan warga emas ada juga yang memerlukan penjagaan khas seperti pusat penjagaan orang tua-tua atau 'Rumah Kenangan' seperti di Perak dan di Kedah yang dikelolakan oleh agensi kerajaan.
  - (a) Adakah di Pulau Pinang juga terdapat institusi seperti ini yang telah dan akan dibina yang dikelolakan oleh Kerajaan Pusat atau Negeri ?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri telahpun melancarkan program *Empowering The Street Citizens* yang bertujuan untuk membantu dan mendaya upayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Program bersifat *Tri-Partite Venture* ini menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO). Di bawah program ini, gelandangan akan ditempatkan di sebuah rumah atau bangunan yang akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan. Selepas tamat tempoh penempatan, gelandangan ini diharapkan dapat berdikari dan berintegrasi dengan masyarakat. Pengurusan penempatan gelandangan ini dicadangkan dikendalikan oleh NGO yang dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri telah berjaya mengenal pasti lokasi yang sesuai

iaitu di lot 19, Jalan C.Y. Choy, George Town iaitu bangunan rumah kedai milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Manakala bagi penjagaan warga emas, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sedang mendirikan Kompleks Sinar Kasih bagi golongan warga emas di Daerah Seberang Perai Selatan dan dijangka siap pada September 2019.